



Rujukan Kami : SUPS.202/3/4 Jilid 4 (32)
Tarikh : Julai 2021

Semua Ketua Jabatan/ Agensi Persekutuan

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN GANGGUAN TEKNIKAL SISTEM EKUARTERS PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Dr./Tuan/Puan, Sistem eKuarters Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengalami gangguan teknikal yang menyebabkan rekod permohonan menduduki kuarters dalam tempoh **01 Mac 2021 sehingga 30 Jun 2021 gagal diakses.**

3. Sehubungan itu pegawai dan kakitangan YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Dr./Tuan/Puan yang pernah mengemukakan permohonan menduduki kuarters dalam tempoh yang dinyatakan di atas adalah dinasihatkan agar mengemukakan surat/emel pemakluman beserta salinan permohonan (sekiranya ada dicetak) kepada emel faridah@supsrwk.gov.my untuk tindakan selanjutnya.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Mohon maaf jua atas segala kesulitan yang timbul.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(BANGES MUNGA)

Timbalan Setiausaha Persekutuan Sarawak
b.p Setiausaha Persekutuan Sarawak
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
Jabatan Perdana Menteri